



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**HARI CUCI MALAYSIA: PROGRAM PEMBERSIHAN
MEGA BERSEMPENA WORLD CLEANUP DAY 2024**

28 SEPTEMBER 2024

**PASAR SENI
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini di dalam Program Hari Cuci Malaysia, iaitu Program Pembersihan Mega yang diadakan serentak di seluruh negara bersempena *World Clean Up Day 2024*.

2. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada *my brother*, Yang Berhormat Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerana memberi keutamaan kepada ibu kota Kuala Lumpur sebagai PBT pilihan untuk diadakan Majlis Perasmian pada pagi ini. Terima kasih juga kepada semua yang hadir kerana sudi untuk turut serta dalam usaha murni ini.

**BANDAR RAYA BERSIH ASAS
PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL
MAMPAN**

Para hadirin sekalian,

3. Untuk makluman, setiap hari, rakyat Malaysia direkodkan membuang sebanyak 38,000 tan sisa pepejal atau secara puratanya 1.17 kilogram bagi setiap seorang. Jumlah ini jika kita buat perbandingan boleh memenuhi Stadium Bukit Jalil yang boleh memuatkan lebih 87,000 orang dalam masa 12 hari sahaja.

4. Di Kuala Lumpur sahaja, sebanyak 2,044 tan sehari dihasilkan oleh warga kota dengan kos yang perlu ditanggung oleh DBKL sebanyak kira-kira RM 226 juta setahun. Ini adalah satu belanja yang sangat besar dan sekiranya kita boleh kurangkannya, mungkin perbelanjaan tersebut boleh digunakan kepada pembangunan yang dapat memberi manfaat kepada rakyat.

5. Sehubungan itu, program ini bukan sekadar simbolik, tetapi juga merupakan satu inisiatif yang memperlihatkan komitmen kerajaan dalam menjaga kesejahteraan alam sekitar di Malaysia, khususnya di ibu kota Kuala Lumpur selaras dengan enam konsep Malaysia MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

6. Majunya sesebuah bandar itu tidak hanya diukur semata-mata dengan pembangunan fizikal yang pesat sahaja, tetapi juga melalui tahap kebersihan dan kesihatan persekitaran. Bandar raya yang bersih menjadi asas kepada pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan.

7. Sudah tentu ini juga akan memenuhi keperluan dunia melalui Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG di bawah sasaran ketiga, iaitu *Good Health and Well Being*, sasaran keenam, *Access to Clean Water and Sanitation* dan sasaran kesebelas, *Sustainable Cities and Communities*.

**PENGUKUHAN SEMANGAT
SETIAKAWAN MELALUI HARI CUCI
MALAYSIA**

Para hadirin sekalian,

8. Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang baru sahaja kita raikan, pelaksanaan Hari Cuci Malaysia yang diadakan serentak di seluruh negara ini adalah bukan hanya menzahirkan komitmen kita untuk menjadikan Malaysia lebih bersih dan sejahtera, bahkan saya melihat ianya juga menjadi platform yang secara tidak langsung untuk memupuk semangat kerjasama, setiakawan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita.

**VISI CHASE CITY SEBAGAI
KELANGSUNGAN BANDAR**

Yang Berhormat Nga dan para hadirin sekalian,

9. Selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan, saya sangat menyokong usaha sebegini kerana ianya seiring dengan visi Wilayah Persekutuan, termasuk Kuala Lumpur, sebagai CHASE City, iaitu akronim kepada *Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City* dan *Eco-friendly City*, yang merupakan kerangka atau *framework beyond the idea of only Smart City*.

10. Ini adalah sudut baru dalam membangunkan bandar pintar. Melalui CHASE City, kita akan memastikan kebersihan, kesihatan, keselamatan dan kelestarian alam turut diambil kira dalam pembangunan sesebuah bandar selain elemen kemajuan teknologi. Visi ini akan menjamin kesejahteraan rakyat serta kelestarian jangka panjang di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan secara keseluruhannya.

WASTE TO WEALTH SALAH SATU ELEMEN POLISI SIFAR SISA CHASE CITY

Para hadirin sekalian,

11. Antara salah satu inisiatif yang telah diperkenalkan bawah CHASE City adalah inisiatif *Waste to Wealth* yang merupakan sebahagian daripada polisi sifar sisa di Kuala Lumpur. Melalui inisiatif ini, kita mengubah pandangan bahawa sisa adalah beban, kepada perspektif bahawa ia merupakan sumber yang mempunyai nilai ekonomi bertepatan dengan konsep ekonomi kitaran yang sering diperkatakan di masa kini.

12. Program seperti 1 Komuniti 1 Pusat Kitar Semula atau 1C1R telah diperkenalkan bagi menyokong inisiatif ini dan ia telah memberi impak yang besar kepada komuniti, di mana pengumpulan barang kitar semula bukan sahaja mengurangkan sisa pepejal, tetapi juga memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan tambahan.

13. Ini adalah salah satu usaha Wilayah Persekutuan untuk membentuk komuniti yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar sambil menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

PENCIPTAAN REKOD BAHARU MELALUI GOTONG ROYONG MEGA

Para hadirin sekalian,

14. Saya difahamkan pada hari ini, kita akan mencipta rekod baharu dalam *The Malaysia Book of Records* untuk bilangan penyertaan terbesar, kutipan sisa pepejal terbanyak, mobilisasi aset terbesar dan tempoh gotong royong terpanjang selama 12 jam secara serentak di seluruh negara. Tahniah kepada semua yang hadir kerana anda semua akan menjadi sebahagian daripada sejarah ini.

15. Kita tidak hanya inginkan bandar yang pesat membangun, tetapi juga bandar yang selesa dan bersih untuk didiami. Saya berharap agar usaha ini tidak terhenti untuk hari ini sahaja. Mudah-mudahan ia akan menjadi pemangkin kepada usaha yang berterusan. Penglibatan semua lapisan masyarakat, termasuklah generasi muda sebagai agen perubahan ini menjamin masa depan yang lebih bersih dan mampan.

**KETERHUBUNGAN DENGAN
KEPENGERUSIAN ASEAN 2025 DAN
TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026**

Para hadirin sekalian,

16. Program seperti ini juga amat penting untuk memastikan imej untuk memastikan imej Malaysia kekal bersih dan indah, terutamanya apabila kita menghampiri Kepengerusian ASEAN pada tahun hadapan dan seterusnya menjelang Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026. Ini adalah sebahagian daripada persiapan kita untuk menerima lebih ramai pelancong ke Malaysia.

17. Kebersihan dan keindahan bandar raya kita, terutamanya Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan pintu masuk utama negara, akan mencerminkan komitmen negara kepada kedua-dua acara penting dan bersejarah ini.

18. Dua hari lepas, di Mesyuarat Ketua-Ketua Agensi Jabatan Wilayah Persekutuan, saya telah arahkan Datuk Bandar untuk memastikan penguatkuasaan dibuat kepada premis-premis di Kuala Lumpur, khususnya premis makanan tentang kebersihan mereka. Ini adalah sebahagian dari inisiatif Lestari Niaga yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri.

19. Kalau didapati premis tersebut tak capai tahap kebersihan yang optimum, kita tak akan sambung lesen perniagaan mereka. Ini satu langkah serius yang akan diambil tindakan oleh DBKL.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran dan pelaksanaan Program Hari Cuci Malaysia ini. Tanpa kerjasama semua pihak, usaha ini pasti tidak akan dapat direalisasikan.

21. Dengan kerjasama yang erat antara pelbagai pihak termasuk Kerajaan, swasta, NGO dan warga kota, saya yakin matlamat untuk membudayakan amalan kebersihan dan menjadikan Malaysia, khususnya Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang bersih, sihat dan mampan akan pasti tercapai.

22. Semoga Hari Cuci Malaysia ini menjadi titik tolak kepada perubahan yang membanggakan. Ayuh kita jadikan Malaysia sebagai negara yang bukan sahaja moden dan maju bahkan indah dipandang, bersih dan sihat untuk dihuni.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.